

29 APR 1997

PELABUR INSTITUSI PERLU MASUK SEMULA KE PASARAN, KATA SALLEH MAJID

PETALING JAYA, 29 April (Bernama) -- Presiden Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) Datuk Salleh Majid hari ini berkata sudah tiba masanya para pelabur institusi memasuki semula pasaran saham bagi mengembalikan kestabilan harga yang kini sedang melalui pusingan kejatuhan.

Katanya walaupun harga saham sekarang agak rendah, sukar bagi para pelabur runcit untuk kembali aktif kerana kebanyakan mereka mungkin sedang "terlekat" dengan saham yang telah dibeli semasa harga tinggi.

"Saya fahamlah ramai yang dah terlekat dengan itu mereka tak dapat memasuki pasaran, tetapi kalau tiada siapa masuk ke dalam pasaran dia (harga saham) tak akan naik," katanya ketika ditemui pemberita selepas menghadiri perasmian Kongres Kebangsaan mengenai Wawasan 2020 di Bandar Sunway, di sini, oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Salleh berkata langkah Bank Negara memperketatkan pinjaman untuk membeli hartanah dan saham tidak sepatutnya terus menghantui para pelabur kerana penjelasan dan jaminan yang secukupnya telahpun diberikan oleh pihak berkuasa.

Katanya apa yang perlu dilakukan bagi menstabilkan semula harga saham di BSKL ialah penglibatan para pelabur institusi kerana hanya mereka, dengan dana yang lebih besar, mampu kembali semula ke pasaran.

Salleh berkata sukar bagi sesiapa untuk menentukan berapa lama lagi keadaan sekarang akan berlarutan tetapi berkata "kita mengharapkan keadaan akan pulih kerana kita mempunyai asas ekonomi yang kuat".

Beliau menegaskan bahawa "apa yang berlaku ini adalah satu reaksi yang mungkin berlebihan" dan punca pasaran jatuh ialah pelabur berasa bimbang tetapi penjelasan telahpun diberikan dan pelabur patut kembali ke pasaran untuk mengambil kesempatan daripada harga yang rendah sekarang.

Salleh berkata para pelabur institusi seperti Pengurus Dana dan Pengurus Unit Amanah sering menyatakan harga saham di pasaran terlalu tinggi tetapi dengan keadaan nisbah perolehan saham sekarang pada purata 15 dan 16, ia merupakan masa yang paling sesuai untuk mereka membeli.

Ketika ditanya sama ada BSKL bercadang memperketatkan peraturannya bagi memastikan keadaan pasaran sentiasa stabil, Salleh berkata: "Kita tak boleh adakan undang-undang untuk tangkap orang yang suka dengar khabar-khabar angin (untuk membuat keputusan pelaburan)".

Mengenai ulasan Dr Mahathir baru-baru ini bahawa harga saham sesetengah kaunter tidak begitu realistik, terutama harga pada hari penyenaian saham baru, beliau berkata BSKL tidak boleh berbuat apa-apa untuk menyekat kenaikan harga saham yang begitu mendadak pada hari penyenaian.

"Harga yang tinggi pada sesetengah kaunter semata-mata berdasarkan kuasa pasaran. Kalau kita perhatikan, dalam keadaan pasaran yang rendahpun, apabila ada penyenaian syarikat baru harganya naik tinggi.

"Ini menunjukkan ia masih berdasarkan kuasa pasaran. Jadi, tak nampak unsur kejanggalan walaupun ada pihak yang fikir ia (harga saham pada hari penyenaian sesebuah syarikat) tidak wajar begitu tinggi," katanya.

Menurut beliau faktor lain ialah sikap pelabur yang selalu "terikut-ikut" dan suka mendengar khabar angin, bukannya melabur berdasarkan latar belakang sesebuah syarikat, terutama yang baru disenaraikan.

Bagaimanapun, Salleh berkata masalah itu akan dapat dikurangkan jika BSKL berjaya dalam usahanya mengalih suasana pelaburan daripada dipacu pelabur runcit kepada dipacu pelabur institusi. -- BERNAMA

AH SIA